

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua skim perumahan yang telah dan akan diusahakan oleh Felda Global Ventures (FGV) atau Felda setakat Oktober 2015 dengan memperincikan jumlah unit, lokasi perumahan, harga jualan dan kontraktor dilantik bagi setiap projek perumahan.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim perumahan dilaksanakan oleh FELDA sahaja dan tidak melibatkan FGV. FELDA sentiasa berusaha dalam membantu generasi FELDA untuk mendapatkan rumah mampu milik yang selesa dan sempurna. Bagi merealisasikan perkara ini, beberapa skim projek perumahan telahpun dilaksanakan seperti projek Perumahan Warga FELDA (PWF), Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) dan Program Sentuhan Kasih FELDA.

Sehingga Oktober 2015, FELDA telah pun melaksanakan skim projek perumahan di seluruh negara seperti berikut:-

i) Perumahan Warga FELDA (PWF)

BIL	NAMA PROJEK PWF (LOKASI)	UNIT		KONTRAKTOR
		RKR	RKSR	
1	Taman Mempaga Utama, Bentong	161	47	JENTAYU PADU SDN BHD
2	Taman Bukit Goh Perdana, Kuantan	338	139	MMN BINA SDN BHD
3	Taman Lepar Hilir Saujana, Gambang	192	58	KEJURUTERAAN SEBERKAS SDN BHD
4	Desa Keratong Indah, Rompin	214	208	MMN BINA SDN BHD
5	Desa Semarak, Rompin	125	0	JENTAYU PADU SDN BHD
6	Taman Pasak Indah, Kota Tinggi	400	339	GEMULA SDN BHD
7	Lamanda Permai,	169	126	KEJURUTERAAN SEBERKAS SDN BHD
8	Lamanda Siantan	184	80	NILAIBINA SDN BHD
9	Lamanda Sentosa, Pekan	216	101	ING SHAPAN SDN BHD
10	Neram 1, Kemaman	79	26	KHASAL JAYA SDN BHD
11	Chuping, Perlis	158	66	GEMA KUKUH SDN BHD
JUMLAH =		3,426		

Kadar harga adalah seperti berikut:

Rumah Kos Rendah (RKR) = minima RM42,000

Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR) = minima RM92,000

ii) Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF)

Jumlah Kontraktor	28
Jumlah Rumah	8,420 unit
Lokasi	48 Tanah FELDA

Kadar harga rumah PGBF ini seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri ditawarkan pada harga RM90,000 untuk sebanyak 8,420 unit yang sedang dan telah dibina. Perbezaan wujud dengan jumlah unit terdahulu adalah disebabkan oleh keadaan geografi tanah beberapa tapak cadangan yang tidak sesuai untuk dijadikan kawasan perumahan. Manakala RM70,000 pula untuk 11,340 unit yang akan dibina untuk pembelian secara jual beli. FELDA juga akan menyediakan skim sewa dan beli rumah tersebut selama 5 tahun dengan kadar yang munasabah serta tawaran pembelian dibuat selepas itu tertakluk kepada syarat-syarat dan perjanjian kedua-dua pihak.

iii) Program Sentuhan Kasih FELDA

BIL	LOKASI	UNIT	KONTRAKTOR
1	FELDA Tenggaroh 3, Mersing	100	IRIS KOTO SDN BHD
2	FELDA Chini Timur 2, Pekan	100	
3	FELDA Palong 16, Jempol	100	
4	FELDA Laka Selatan, Changlun	100	
JUMLAH =		400	

Kadar harga rumah Sentuhan Kasih FELDA adalah RM80,000 – RM90,000 seunit bergantung kepada keluasan tanah. Peserta program akan mengikuti aktiviti sampingan iaitu projek pertanian moden bagi menambahkan pendapatan serta memberi pulangan semula kepada FELDA

Sekian. Terima kasih.